



Pola Pelancongan Famili: Analisis Penulisan Blog Famili

Nurul Fadhliah MD¹, Habibah Ahmad¹, Hamzah Jusoh¹

¹Program Sains Pembangunan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Malaysia

²Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Malaysia

Correspondence: Nurul Fadhliah Muhamad Din (nurul_mohddin@ymail.com)

Abstrak

Pelancongan famili merupakan satu aktiviti melawat ke sesuatu destinasi bertujuan untuk berhibur, beriadah dalam tempoh kunjungan sekurang-kurangnya 24 jam atau sehari. Di Malaysia, pelancongan famili adalah sebagai salah satu aktiviti dalam sektor pelancongan domestik dan pelancongan antarabangsa. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pola pelancongan famili yang dipaparkan oleh penulis blog dan meneliti apakah penulisan tentang percutian famili itu berupaya dan mengarah kepada promosi aktiviti atau destinasi. Sejumlah 300 subjek kajian diambil terdiri daripada penulis blog famili yang membuat ulasan, penceritaan, perkongsian, komen dan maklumbalas terhadap destinasi pelancongan famili yang dilawati atau dikunjungi sama ada dalam negara atau luar negara. Dapatan kajian mendapati pengguna telah menggunakan blog untuk berkongsi dan memberikan ulasan setiap pengalaman serta tarikan yang terdapat di destinasi percutian mereka lawati disamping mempromosikan pelancongan famili kepada seluruh dunia. Segala aktiviti, keunikan destinasi, kepelbagaian perkhidmatan, keselesaan penginapan dan kemudahan pengangkutan yang dilalui oleh pelancong famili dikongsi bersama melalui penulisan blog mereka kepada pelayar lain. Hasil kepuasan terhadap kualiti destinasi yang dilawati bersama famili merupakan keseronokan yang mereka alami di samping turut membantu dalam mempromosikan destinasi tersebut. Sebagai kesimpulan, blog mempunyai pengaruh yang signifikan dalam mempromosikan pelancongan famili dari segi aktiviti mahupun destinasi.

Katakunci: Blog, famili, media sosial, perancangan percutian, pola percutian, promosi aktiviti dan destinasi,

Patterns of Family Vacation: An Analysis of Family Blogging

Abstract

Family tourism is one of the family activities to an intended destination for entertainment and recreation, within a visit at least 24 hours or a day. In Malaysia, family tourism is one of the activities of the domestic and international tourism. This study aimed to identify the patterns of family vacation that have been displayed by family bloggers and examine whether their writings about family vacation lead to the promotion of activity or destination. A total 300 subjects were taken, consisting families of domestic and international tourists who have made comments, storytelling, sharing, comments and feedback on family tourism destination that they have visited locally or abroad. The study reveals that the users utilised the blogs to share their experiences and attractions aiming to promote tourism around the world. All activities, destinations uniqueness, diversity, service, comfortable accommodation and transportation facilities were shared by the family bloggers. Their satisfaction due to the rising of the quality services in each destination provides pleasure to the families. In conclusion, blog has a significant influences in terms of promoting family tourism activity or destination.

Keywords: Blog, family, social media, vacation planning, holiday patterns, promotion of activity and destination,

Pengenalan

Peranan media sosial semakin ketara dalam memajukan pelancongan antarabangsa mahupun pelancongan domestik (Cheung dan Lee, 2012; Zeng, 2013; Treer, 2010). Di peringkat antarabangsa beberapa enjin dan laman sesawang pelancongan seperti Blog, TripAdvisor, Expedia.com.my dan Venere.com dikatakan mempunyai pengaruh dalam menggalakkan sektor pelancongan. Di Malaysia, laman sesawang seperti blog semakin meningkat dan memainkan peranan yang penting terutamanya dalam memperkenalkan negara ini di mata dunia. Blog menawarkan perkhidmatan promosi secara percuma, dan ia menjadi panduan kepada para pelancong yang ingin mengenali sesebuah destinasi sama ada dalam Malaysia ataupun di luar Malaysia. Kehadiran media sosial seperti blog ini telah membawa kepada perubahan ke arah penyertaan masyarakat secara online. Menurut Doh dan Hwang (2009) dalam era dunia tanpa sempadan sekarang, trend menulis, bercerita serta membaca secara online reviews semakin banyak menyelusuri laman maya atau internet di serata dunia. Salah satu perkara yang sering dikongsi oleh masyarakat melalui blog adalah aktiviti percutian terutamanya pelancongan famili.

Dalam konteks amalan percutian famili di Malaysia, Habibah (2007) menjelaskan kegiatan ini telah lama sebatik dalam kehidupan masyarakat. Aktiviti percutian famili seperti berkelah, 'makan angin' dan 'jalan-jalan' sebenarnya sudah lama dilakukan oleh penduduk di negara ini (Habibah, 2007; Utusan Malaysia 2000. 31 Oktober: 10). Penggalakan aktiviti ini selain berupaya memantapkan sumbangan sektor pelancongan domestik, ia juga berupaya mempertingkatkan rasa kecintaan terhadap warisan budaya negara dan membentuk sebuah keakraban di peringkat famili (Habibah, 2007; Utusan Malaysia 2000. 31 Oktober: 10). Namun begitu, pola penumpuan destinasi pelancongan domestik dengan pelancongan antarabangsa kekal dan masih sama seperti yang terserlah dalam tempoh tahun 1990-an (Oppermann, 1996).

Pola ini membimbangkan pihak pemerintah dan pengusaha pelancongan. Ini menunjukkan bahawa ruang pelancongan di setiap negara tidak digunakan sepenuhnya oleh pelancong famili. Dalam masa yang sama, penulisan pengalaman aktiviti pelancongan ini akan menjadi sumber mengesan pola baru utama dalam aktiviti pelancongan famili. Ini memberikan alternatif kepada para pemarkas untuk mengetahui perkara yang dicari oleh segmen ini. Sehubungan itu, pendekatan yang jitu perlu disusun bagi meningkatkan lagi sektor pelancongan famili. Salah satu daripadanya ialah dengan meneliti pola pelancongan famili yang dapat dikesan melalui penulisan blog dan mengesan apakah mereka juga telah mempromosikan pelancongan famili berasaskan aktiviti mahupun destinasi. Pendekatan ini merupakan pembaharuan dalam mengenalpasti pasaran pelancongan famili di Malaysia yang dapat memperjelaskan lagi bahawa penggunaan ruang dan aktiviti pelancong domestik akan memberikan faedah kepada negara.

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pola percutian yang terhasil daripada penulisan blog iaitu sebelum, semasa dan selepas percutian di destinasi serta menganalisis keupayaan penulisan blog famili tersebut dalam mempromosikan pelancongan berasaskan aktiviti atau destinasi. Segala aktiviti, keunikan destinasi, kepelbagaian perkhidmatan, keselesaan penginapan dan kemudahan pengangkutan yang dilalui oleh pelancong famili dikongsikan bersama melalui penulisan blog mereka kepada pelayar lain. Hasil kepuasan terhadap kualiti destinasi yang dilawati bersama famili merupakan keseronokan yang mereka alami di samping turut membantu dalam mempromosikan destinasi tersebut.

Metodologi kajian

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dan data kuantitatif untuk mengumpul semua data primer dan juga data sekunder untuk mendapat maklumat dan analisis bagi membentuk satu rumusan terhadap hasil kajian. Metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji adalah analisis kandungan. Analisis kandungan secara kajian kualitatif berbeza daripada analisis kandungan kuantitatif yang mana lebih mementingkan angka dan pengiraan secara objektif serta melihat aspek tersurat semata-mata.

Sedangkan analisis kandungan kualitatif lebih melihat teks sebagai interpretasi makna secara dalaman dan subjektif.

Kajian ini merangkumi tiga fasa penyelidikan. Penyelidikan pada fasa pertama meliputi proses penentuan dan pemilihan subjek kajian dan apa yang ingin dikaji oleh pengkaji. Pada fasa yang kedua pula, ia meliputi proses pengumpulan data dan maklumat yang berkaitan. Manakala pada fasa yang terakhir fasa ketiga ia meliputi proses menganalisa kandungan seterusnya pemaparan hasil kajian. Rajah 1 menunjukkan ringkasan penghuraian untuk ketiga-tiga peringkat dalam penyelidikan ini.



Rajah 1. Ringkasan penghuraian metod kajian

Pemilihan subjek sebanyak 300 penulisan blog adalah berdasarkan ulasan yang memenuhi kriteria yang diperlukan pengkaji seperti:

- i. Penulisan yang dipetik mengikut bulan Ogos 2007 sehingga Januari 2014. Ulasan yang diambil daripada kelompok pelancong famili sahaja.
- ii. Mengambil kira kedua-dua kumpulan pelancong iaitu domestik dan antarabangsa.
- iii. Penulisan semasa percutian yang diulas dan ditulis lengkap oleh pengguna, yang memenuhi ciri-ciri penceritaan sebelum, semasa dan selepas melakukan aktiviti.

Jadual 1. Tema pencarian blog percutian famili

Tema pencarian blog percutian famili	Jumlah keseluruhan tema	Total pembacaan
Cuti-cuti famili	129,000	44
Cuti bersama keluarga	970,000	333
Bercuti bersama famili di pulau	571,000	196
Bercuti bersama famili di tanah tinggi	338,000	116
Percutian family di taman tema	331,000	114
Percutian famili di kawasan desa	132,000	45
percutian bersama famili di tempat bersejarah / warisan	198,000	68
percutian bersama famili di pantai	246,000	84
Jumlah	2,912,000	1000

Jadual 1 menunjukkan bagaimana pengkaji mendapatkan jumlah subjek kajian melalui pilihan penulisan blog. Melalui tajuk kajian iaitu peranan blog dalam mempromosikan pelancongan famili, pengkaji telah mencipta tema-tema tertentu sebagai kata kunci yang memandu dalam proses pencarian blog-blog pelancongan famili. Tema-tema yang telah digunakan ialah cuti-cuti famili, cuti bersama keluarga, bercuti bersama famili di pulau, bercuti bersama famili di tanah tinggi, percutian famili di taman tema, percutian famili di kawasan desa, percutian bersama di tempat bersejarah atau warisan dan percutian bersama famili di pantai. Pemilihan tema-tema ini adalah berdasarkan keperluan dalam kajian ini.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Pola pelancongan dalam kajian ini meliputi aktiviti yang dilakukan dalam fasa-fasa amalan dalam pelancongan famili. Pola ini terbagi mengikut tiga kategori utama iaitu sebelum, semasa dan selepas melancong. Pola ini dikumpul mengikut komponen yang telah ditentukan oleh pengkaji. Terdapat tujuh jenis pola utama yang dikesan melalui laman blog pelancongan famili. Jadual 2 menunjukkan tujuh pola yang utama yang berjaya dikumpul oleh pengkaji.

Jadual 2. Tujuh tema pola utama

Bil.	Aktiviti penulis blog	Tema pola
1.	Sebelum percutian	Pola latar belakang penulis blog
2.		Pola penentuan percutian
3.	Semasa percutian	Pola persediaan
4.		Pola penginapan
5.		Pola pengangkutan
6.		Pola aktiviti
7.	Selepas percutian	Pola pandangan

Demografi penulis blog pelancongan famili

Jadual 3 menunjukkan secara ringkas demografi penulis blog pelancongan famili. Sebanyak 80.0 peratus atau 240 penulis terdiri daripada penulis perempuan manakala 20.0 peratus atau 60 orang adalah penulis lelaki. Kebanyakan responden sudah berkahwin iaitu 82.0 peratus atau 246 penulis berbanding responden yang masih bujang sebanyak 18.0 peratus atau 54 penulis. Penulis yang berasal dari Wilayah tengah Malaysia seperti Kuala Lumpur dan Selangor mencatatkan jumlah yang paling ramai terlibat dalam penulisan blog pelancongan famili ini iaitu sebanyak 76.3 peratus atau 229 penulis. Responden

yang bekerja dalam sektor kerajaan pula lebih tinggi berbanding dengan pekerjaan yang lain iaitu sebanyak 38.3 peratus atau 115 penulis.

Jadual 3. Demografi penulis blog pelancongan famili

Komponen	Kategori	Bilangan (Penulis blog)	Peratus
Jantina	Lelaki	60	20.0
	Perempuan	240	80.0
Status	Berkahwin	246	82.0
	Bujang	54	18.0
Negeri asal	Timur Malaysia	15	5.0
	Barat Malaysia	1	0.3
	Utara Malaysia	25	8.3
	Selatan Malaysia	16	5.3
	Tengah Malaysia	229	76.3
	Sabah dan Sarawak	2	0.7
	Tidak dinyatakan	12	4.0
Pekerjaan	Kerajaan	115	38.3
	Swasta	48	16.0
	Bakerja sendiri	32	10.7
	Tidak bekerja	40	13.3
	Tidak dinyatakan	65	21.7
Jumlah		1200	400.0

Sebelum percutian

Aktiviti sebelum percutian merupakan sebarang aktiviti yang dilakukan oleh pelancong famili sebelum mereka melancong atau memulakan percutian. berdasarkan hasil kajian yang diperolehi, sebanyak dua pola utama yang dikenalpasti sebelum penulis menjalankan percutian iaitu pertama penentuan percutian dan kedua persediaan percutian.

a. Tujuan percutian

Majoriti pelancong famili yang melakukan perjalanan adalah dengan tujuan untuk percutian semata-mata/ mengisi masa lapang / berehat dengan peratusan 20.0 peratus atau 60 penulis. Tujuan percutian memainkan peranan penting kerana ianya menentukan hala tuju percutian pelancong famili tersebut. Manakala, tujuan percutian hiburan pula mencatat peratusan sebanyak 10.0 peratus atau 30 penulis. Ini diikuti percutian untuk menghadiri acara khas sebanyak 3.7 peratus atau 11 penulis dan percutian untuk urusan rasmi hanya 1.7 peratus atau 5 penulis sahaja. Penulis yang tidak menyatakan tujuan percutian mencatatkan jumlah yang lebih tinggi berbanding dengan penulis yang menyatakan tujuan percutian mereka iaitu sebanyak 64.7 peratus atau 194 penulis.

Kebanyakan pelancong famili yang menjalankan percutian untuk mengisi masa lapang / berehat memilih musim percutian perayaan (aidilfitri, tahun baru cina, deepavali, krismas, wesak), musim percutian persekolahan dan musim cuti am (cuti hari malaysia, cuti hari buruh dan sebagainya) sebagai tarikh percutian mereka bersama ahli famili. Musim cuti perayaan menjadi pilihan penulis untuk membuat kunjungan ke destinasi-destinasi yang lebih jauh. Ini mencerminkan permintaan pelancong akan menjadi lebih tinggi semasa cuti perayaan atau cuti panjang berbanding dengan hari cuti biasa yang lain.

Jadual 4. Tujuan percutian

Tujuan percutian	Bilangan (Penulis blog)	Peratus
Menghadiri acara khas	11	3.7
Urusan rasmi	5	1.7
Percutian/ mengisi masa lapang / berehat	60	20.0
Hiburan	30	10.0
Tidak Dinyatakan	194	64.7
Jumlah	300	100.0

b. Perancangan perjalanan

Dua kaedah digunakan oleh pelancong famili untuk menjalankan percutian mereka, pertama, menggunakan khidmat agensi yang dipilih dan kedua, mengikut rancangan yang dibentuk secara sendiri. Hasil kajian berdasarkan jadual 5 mendapati, jenis percutian yang dirancang secara sendiri adalah lebih tinggi berbanding dengan penulis menggunakan perkhidmatan agensi pelancongan iaitu sebanyak 86.3 peratus atau 259 penulis. Selebihnya 13.7 peratus atau 41 penulis memilih untuk menggunakan khidmat agensi pelancongan bagi memastikan perjalanan percutian berjalan dengan lancar tanpa sebarang masalah.

Jadual 5. Perancangan perjalanan

Perancangan perjalanan	Bilangan (Penulis blog)	Peratus
Menggunakan agensi	41	13.7
Sendiri	259	86.3
Jumlah	300	100.0

Semasa percutian

Terdapat beberapa komponen pola aktiviti yang dilakukan oleh penulis blog famili semasa percutian di destinasi. Antaranya, jenis penginapan semasa di destinasi, kelas penginapan, jenis pengangkutan yang digunakan semasa di destinasi, aktiviti-aktiviti semasa di destinasi seperti aktiviti makan-makan dan BBQ, membeli-belah, mandi kolam, aktiviti di pantai dan pulau, riadah dan merehatkan diri, berkelah dan desa dan aktiviti bergambar.

a) Jenis penginapan

Pemilihan penginapan merupakan salah satu aspek yang paling dititiberatkan oleh pelancong ketika berada di tempat percutian. Pemilihan penginapan sama ada jenis hotel atau villa telah mencatat jumlah yang lebih tinggi sebanyak 40.3 peratus atau 121 penulis (Jadual 6). Ini diikuti dengan penginapan resort sebanyak 26.3 peratus atau 79 penulis, homestay sebanyak 9.7 peratus atau 29 penulis, 8.7 peratus atau 26 penulis tidak dinyatakan, 6.3 peratus atau 19 penulis untuk lain-lain jenis penginapan, 5.7 peratus atau 17 penulis untuk penginapan jenis apartment, 1.7 peratus atau 5 penulis untuk penginapan jenis chalet dan motel 1.3 peratus atau 4 penulis.

Jadual 6. Jenis penginapan

Jenis penginapan	Bilangan (Penulis blog)	Peratus
Hotel/Villa	121	40.3
Apartment	17	5.7
Chalet	5	1.7
Homestay	29	9.7
Resort	79	26.3
Motel	4	1.3
Lain-Lain	19	6.3
Tidak Dinyatakan	26	8.7
Jumlah	300	100.0

a. Pengangkutan di destinasi

Jadual 7 menunjukkan pengangkutan yang digunakan penulis blog famili di destinasi. Penggunaan pengangkutan sendiri mencatat jumlah yang tinggi iaitu sebanyak 48.7 peratus atau 146 penulis. Manakala penggunaan pengangkutan jenis awam sebanyak 29.7 peratus atau 89 penulis. Penggunaan pengangkutan sewa mencatatkan jumlah yang paling rendah sebanyak 21.7 peratus atau 65 penulis sahaja.

Jadual 7. Pengangkutan di destinasi

Pengangkutan di destinasi	Bilangan (Penulis blog)	Peratus
Kenderaan sendiri	147	48.7
Kenderaan awam	89	29.7
Kenderaan sewa	65	21.7
Jumlah	300	100

b. Aktiviti di destinasi

Terdapat banyak bentuk aktiviti percutian famili yang dijalankan oleh penulis semasa di destinasi. Aktiviti-aktiviti yang dilakukan semasa di destinasi adalah bersesuaian mengikut tempat yang mereka kunjungi sama ada percutian di pulau, desa, bandar dan tanah tinggi. Berdasarkan hasil analisis yang ditunjukkan dalam jadual 8, sebanyak tujuh jenis aktiviti telah dijalankan oleh penulis semasa bercuti.

Jadual 8. Keseluruhan aktiviti semasa di destinasi

Aktiviti semasa di destinasi	Bilangan (Penulis blog)	Peratus
Makan minum dan BBQ	184	61.3
Membeli-belah	124	41.3
Mandi kolam	42	14.0
Pantai dan pulau	78	26.0
Riadah dan merehatkan diri	52	17.3
Berkelah dan desa	17	5.7
Bergambar	138	46.0

Aktiviti makan minum dan BBQ

Aktiviti jenis makan minum dan BBQ merupakan salah satu aktiviti yang paling tinggi bilangan penulis blog. Ia merupakan aktiviti yang wajib diambil oleh setiap orang untuk mendapatkan tenaga agar

kesihatan tubuh badan lebih terjaga. Jadual 5, menunjukkan penglibatan penulis dalam aktiviti makan dan bbq sebanyak 61.3 peratus atau 184 penulis daripada jumlah keseluruhan 300 penulis.

b) Bergambar

Salah satu aktiviti semasa berkunjung ke sesuatu destinasi ialah aktiviti mengambil gambar. Aktiviti mengambil gambar boleh dikatakan sebuah aktiviti yang wajib dilakukan oleh setiap pelancong. Hal ini kerana, melalui aktiviti bergambar pelancong dapat mengabadikan kenangan percutian mereka sebagai tanda bukti serta kenangan. Malah aktiviti mengambil gambar pemandangan, tempat, bangunan, pusat membeli-belah, makanan, dan gelagat anak-anak menguatkan lagi promosi keatas destinasi tersebut. Aktiviti bergambar mencatatkan jumlah sebanyak 46.0 peratus atau 138 penulis.

c) Membeli-belah

Menurut Mill & Morrison (2002) menyatakan bahawa terdapat pelbagai aktiviti yang boleh dilakukan oleh seseorang (pelancong famili) semasa mereka melancong. Salah satu di antaranya ialah membeli-belah. Walau bagaimanapun, aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh pelancong-pelancong famili akan berbeza di antara mereka bergantung kepada tujuan melancong, akan tetapi adalah jelas menunjukkan bahawa kesemua pelancong (famili) akan melakukan aktiviti membeli-belah. Sehubungan dengan itu, aktiviti membeli-belah merupakan salah satu aktiviti yang gemar dan popular dilakukan oleh setiap pelancong. Kebanyakan penulis melakukan aktiviti membeli-belah untuk dibawa pulang dan dijadikan sebagai cenderamata kepada rakan-rakan, ahli famili yang lain dan jiran. Terdapat juga pelancong famili membeli untuk tujuan menyimpan dan dijadikan sebagai koleksi peribadi sebagai tanda ingatan. Sebanyak 41.3 peratus dan 124 penulis blog pelancong famili melakukan aktiviti membeli-belah ketika mereka di destinasi percutian.

d) Pantai dan pulau

Aktiviti pantai dan pulau juga merupakan aktiviti menjadi kegemaran dan pilihan yang banyak oleh penulis blog pelancong famili. Pemilihan kawasan pulau sebagai destinasi pelancongan disebabkan keistimewaan yang terdapat di situ. Aktiviti pantai atau pulau seperti snorkeling, menaiki bot dan mandi manda merupakan aktiviti kegemaran pelancong famili apabila setiap kali mereka bercuti ke sana. Percutian pantai dan pulau merupakan sebuah percutian yang sangat menarik terutamanya untuk pelancong yang bercuti bersama famili. Berdasarkan hasil analisis yang diperolehi sebanyak 26.0 peratus atau 78 penulis blog pelancong famili melakukan aktiviti pantai dan pulau.

e) Riadah dan merehatkan diri

Aktiviti riadah dan merehatkan diri juga merupakan salah satu aktiviti yang gemar dijalankan oleh pelancong terutamanya bagi mereka yang ingin merehatkan diri dari kesibukan kerja dan suasana bising di kota. Aktiviti seperti ini kebiasaannya dijalankan pada cuti hujung minggu atau cuti yang pendek dan pada jarak yang dekat. Tujuan percutian aktiviti riadah adalah untuk meluangkan masa bersama anak-anak, suami atau isteri. Berdasarkan hasil analisis yang diperolehi, sebanyak 17.3 peratus atau 52 penulis yang melakukan aktiviti riadah dan merehatkan diri semasa percutian.

f) Mandi kolam

Kebiasaannya aktiviti mandi kolam dilakukan apabila pelancong bercuti dan menginap di kawasan hotel, resort-resort besar dan apartment yang mewah. Kebanyakan ibu bapa pelancong lebih gemar membawa

anak-anak mereka bercuti dan menginap di kawasan penginapan yang mempunyai kemudahan kolam renang. Hal ini kerana, dengan adanya kemudahan tersebut, ibu bapa berpeluang meluangkan masa bersama anak-anak mereka dengan aktiviti bermain air di kolam renang supaya tidak membazir masa dengan hanya berehat di dalam bilik sahaja. Aktiviti kolam renang digemari oleh golongan kanak-kanak, mereka dapat bersuka ria dan bermain dengan ahli famili yang lain dengan bebas. Sebanyak 14.0 peratus atau 42 orang penulis blog pelancong famili yang melakukan aktiviti mandi kolam bersama ahli famili mereka semasa bercuti di destinasi.

g) *Berkelah dan desa*

Percutian di kawasan desa atau ala-ala kampung merupakan salah satu tarikan percutian pelancong famili pada masa kini. Walaupun hasil analisis menunjukkan bilangan penulis blog pelancong famili yang menjalankan aktiviti berkelah dan desa ini sedikit iaitu sebanyak 5.7 peratus atau 17 penulis sahaja berbanding dengan aktiviti-aktiviti yang lain, namun aktiviti berkelah dan desa ini masih diamalkan dan tidak ditelan dek zaman. Aktiviti berkelah dan desa merupakan aktiviti yang sihat. Hal ini kerana, pemilihan tempat percutian mereka adalah di kawasan desa, kampung dan hutan yang dijaga dan tidak tercemar dari pencemaran. Udara yang segar, air terjun yang bersih, jernih, tumbuhan yang menghidu menjadikan percutian tersebut sebuah percutian yang sihat dan terbaik untuk pelancong famili.

Selepas percutian

Aktiviti selepas percutian merupakan penulisan dan pandangan penulis mengenai tips atau info percutian, kategori bagi tips atau info, tujuan penulisan dan kategori penulisan.

a) *Tips atau info percutian famili*

Perkongsian tips atau info mengenai pengalaman percutian melalui media sosial blog memberi banyak manfaat dan kemudahan yang berguna kepada pelancong famili yang sedang merancang untuk bercuti. Tips atau info yang gemar dikongsi dari penulis blog adalah mengenai penginapan, destinasi percutian, pengangkutan, aktiviti, makanan dan pusat membeli-belah. Jumlah perkongsian tips dan info percutian serta petikan daripada sebilangan penulis blog pelancong famili mengenai tips atau info percutian ini dapat dilihat dalam jadual 9. Peratusan bilangan penulis tips atau info adalah sama iaitu sebanyak 50.0 peratus atau 150 penulis daripada jumlah keseluruhan.

Jadual 9. Tips atau info percutian famili

Tips atau info percutian famili	Bilangan (Penulis blog)	Peratus
Ada tips / info	150	50.0
Tiada tips / info	150	50.0
Jumlah	300	100.0

b) *Aspek-aspek penulisan blog pelancongan famili*

Sebanyak tiga bentuk kategori penulisan dikenalpasti iaitu penulisan untuk tujuan perkongsian, hobi dan kenangan. Penulisan pelancongan famili berdasarkan perkongsian telah mencatatkan jumlah kedua tertinggi iaitu sebanyak 25.0 peratus atau 75 penulis berbanding dengan pelancong famili yang tidak menyatakan tujuan penulisan mereka iaitu sebanyak 66.3 peratus atau 199 penulis sahaja. Kategori penulisan mengenai kenangan pula mencatatkan jumlah ketiga tertinggi sebanyak 4.7 peratus atau 14 penulis manakala penulisan mengenai hobi pula mencatatkan jumlah sebanyak 4.0 peratus atau 12 penulis. Jadual 10 menunjukkan aspek-aspek penulisan pelancongan famili.

Jadual 10. Aspek-aspek penulisan pelancongan famili

Aspek-aspek Penulisan Pelancongan Famili	Bilangan (Penulis blog)	Peratus
Perkongsian	75	25.0
Hobi	12	4.0
Kenangan	14	4.7
Tidak Dinyatakan	199	66.3
Jumlah	300	100.0

c) *Promosi aktiviti pelancong famili secara keseluruhan*

Jadual 11 menunjukkan peratusan promosi aktiviti. Sebanyak empat jenis aktiviti yang dikenalpasti. Aktiviti makan dan minum mencatat nilai peratusan yang tertinggi iaitu sebanyak 57.3 peratus atau 172 penulis. Diikuti dengan aktiviti bergambar 46 peratus atau 138 penulis, aktiviti tempahan penginapan, pengangkutan dan tiket sebelum percutian sebanyak 45.7 peratus atau 137 dan akhir sekali aktiviti membeli-belah sebanyak 41.3 peratus atau 124 penulis.

Jadual 11. Promosi aktiviti pelancongan famili secara keseluruhan

Jenis aktiviti	Jumlah penulis	Pengiraan peratusan	Peratus
Persediaan Awal	137	$137/300 \times 100$	45.7
Bergambar	138	$138/300 \times 100$	46.0
Makan Minum	172	$172/300 \times 100$	57.3
Membeli Belah	124	$124/300 \times 100$	41.3

Aktiviti makan minum telah mencatatkan nilai peratusan yang tertinggi disebabkan ia bukanlah termasuk dalam aktiviti yang 'sophisticated', akan tetapi ia merupakan aktiviti wajib yang perlu dilakukan oleh setiap pelancong. Hal ini kerana, manusia memerlukan makan selagi mereka hidup. Dalam tingkat kehidupan manusia pada hari ini, makanan merupakan keperluan asas yang tidak boleh ditinggalkan. Menurut Gross et al. (2000) makanan merupakan keperluan asas yang penting untuk menjamin taraf kesihatan yang baik disamping dapat memberi tenaga bagi menjalankan aktiviti kehidupan seharian seperti bekerja, belajar, bermain dan beriadah. Makanan juga merupakan pembekal nutrien yang penting kepada tubuh badan manusia. Ia membantu memberikan manusia kecerdasan untuk berfikir dan membantu manusia menjalankan aktiviti harian dengan lebih bertenaga. Makanan yang mempunyai kandungan tenaga dan serat yang tinggi dapat menjamin tenaga kita kekal seharian.

d) *Promosi destinasi percutian secara keseluruhan*

Salah satu elemen penting dalam usaha untuk mempromosikan industri pelancongan negara melalui medium blog ialah destinasi. Elemen destinasi pelancongan mempunyai pelbagai sifat. Menurut Mill & Marrison (2002) para sarjana pelancongan telah berusaha untuk mengklafikasikan elemen yang tertentu sebagai objek atau produk yang mampu untuk menarik pelancong ke sesuatu destinasi.

Peratusan bagi keupayaan penulisan blog famili dalam mempromosikan pelancongan berasaskan destinasi ditunjukkan dalam jadual 12. Pro-destinasi bermaksud promosi apa yang ada di tempat yang dikunjungi. Dari hasil kajian yang berjaya diperolehi, pengkaji mendapati terdapat empat perkara yang menjurus kepada promosi destinasi tersebut. Antaranya adalah pulau dan pantai, tanah tinggi, desa dan warisan.

Jadual 12: Promosi destinasi percutian secara keseluruhan

Jenis promosi	Jumlah penulis	Pengiraan peratusan	Peratusan
Pulau dan pantai	93	$93/300 \times 100$	31.0
Tanah tinggi	23	$23/300 \times 100$	07.7
Desa	56	$56/300 \times 100$	18.7
Warisan	65	$65/300 \times 100$	21.7

Kesemua promosi destinasi yang diperolehi, pengkaji mendapati tempat tarikan pulau dan pantai telah mencatatkan nilai peratusan yang paling tinggi iaitu 31.0 peratus atau 93 penulis dari jumlah keseluruhan penulis telah memilih antara sebab mereka berkunjung atau melancong ke sesuatu tempat adalah disebabkan tarikan yang terdapat di tempat itu sendiri. Diikuti dengan destinasi warisan 21.7 peratus atau 65 penulis, destinasi desa 18.7 peratus atau 56 penulis dan akhir sekali tanah tinggi 7.7 peratus atau 23 penulis.

Tarikan pelancongan pulau dan pantai mencatatkan peratusan tertinggi dalam promosi destinasi disebabkan oleh faktor utama yang sering dilihat oleh pelancong sebelum melancong ke mana-mana destinasi adalah ketenangan dan keindahan yang ada pada kawasan atau tempat tersebut. Di Malaysia, terdapat banyak tempat- pelancongan yang boleh dikunjungi. Manakala, promosi destinasi warisan pula mencatatkan jumlah kedua tertinggi. Kawasan yang sering mendapat perhatian pelancong untuk melancong ke kawasan tersebut adalah kawasan tempat bersejarah. Menurut Mohammad Zaki et al. (2008) kebanyakan kawasan di dunia ini, kawasan yang mempunyai warisan telah menjadi antara komponen penting dalam pembangunan pelancongan terutamanya apabila ia digabungkan dengan aktiviti pelancongan dan rekreasi. Malahan, aktiviti perjalanan mengunjungi destinasi berteraskan warisan telah berkembang dengan pesat.

Menurut Istimasria Ishak (2007) industri seni dan budaya mempunyai potensi yang besar untuk menjadi industri terpenting dalam pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Kemantapan penyediaan kemudahan dan perkhidmatan seni dan budaya akan menjadi nadi kepada perkembangan kesenian dan kebudayaan yang diwujudkan sekaligus meningkatkan minat masyarakat terhadapnya. Bentuk perkembangan seperti ini boleh disifatkan sebagai satu usaha untuk membina, memperluas dan mempelbagaikan asas ekonomi negara dalam sektor seni dan budaya agar sektor ini menjadi lebih dinamik, progresif dan berdaya maju.

Penulisan Blog: Promosi pelancongan famili berasaskan aktiviti atau destinasi

Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi daripada ulasan jalan penceritaan blog tersebut menunjukkan bahawa, keupayaan penulisan blog famili dalam mempromosikan pelancongan sama ada berasaskan aktiviti atau berasaskan destinasi akhirnya terjawab (jadual 13). Penulisan mempromosikan pelancongan famili berasaskan aktiviti mencatat jumlah yang paling tinggi jika dibandingkan dengan penulisan mempromosikan destinasi. Ini dibuktikan dengan hasil analisis daripada kedua-dua jumlah penulis yang mempromosikan aktiviti dan destinasi.

Jadual 13. Jumlah keseluruhan promosi pelancongan famili berasaskan aktiviti dan destinasi

Promosi berasaskan aktiviti	Jumlah penulis	Pengiraan peratusan	Peratusan	Promosi berasaskan destinasi	Jumlah penulis	Pengiraan peratusan	Peratusan
Tempahan penginapan, pengangkutan dan tiket	137	137/300 x 100	45.7	Pulau dan pantai	93	93/300 x 100	31.0
Bergambar	138	138/300 x 100	46.0	Tanah tinggi	23	23/300 x 100	07.7
Makan Minum	172	172/300 x 100	57.3	Desa	56	56/300 x 100	18.7
Membeli Belah	124	124/300 x 100	41.3	Warisan	65	65/300 x 100	21.7
Jumlah	571	571/300 x 100	190.3	Jumlah	237	237/300 x 100	79.0

Sumber: Hasil analisis pengkaji 2014

Promosi berasaskan aktiviti telah mencatat jumlah yang paling tinggi iaitu sebanyak 190.3 peratus atau 571 orang penulis manakala promosi berasaskan destinasi hanya mencatat jumlah sebanyak 79.0 peratus atau 237 penulis sahaja daripada 300 penulis. Ini jelas menunjukkan bahawa pelancong famili lebih gemar menulis pengalaman percutian mereka melalui aktiviti yang dijalankan berbanding penceritaan mengenai destinasi.

Kesimpulan

Kajian ini memaparkan peranan blog dalam mempromosikan pelancongan famili, Sesungguhnya media sosial mempunyai pengaruh yang sangat kuat dan penting terutamanya dalam sektor pelancongan. Dalam konteks ini, peranan pengguna blog pelancong famili memang dapat membantu dalam mempromosikan pelancongan famili. Media sosial seperti blog membolehkan pelancong mendapatkan gambaran awal tentang destinasi yang akan ditujui disamping mempromosikan keistimewaan yang terdapat di destinasi melalui penulisan serta E-Wom yang positif atau negatif di ruangan yang disediakan dalam laman tersebut. Laman blog pelancongan famili memainkan peranan dalam menceritakan jalan percutian mereka, apa yang mereka lakukan, info atau tips, tentang penginapan, pengangkutan, aktiviti, destinasi dan banyak lagi semasa percutian yang dijalankan, ianya berguna dan bermanfaat yang menjadi pilihan pengguna blog pelancongan famili lain.

Dalam konteks pelancongan famili, merupakan salah satu bentuk pelancongan yang sering dijalankan dan masih diamalkan oleh masyarakat kini. Hal ini kerana, percutian famili merupakan salah satu kegiatan pelancongan yang telah lama sebatu dalam peradaban penduduk di seluruh negara. Amalan ini membentuk sebahagian besar pola perjalanan tradisi penduduk dan famili terutamanya di negara-negara maju. Di Malaysia, percutian famili telah lama wujud sebagai salah satu aktiviti dalam sektor pelancongan domestik di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa media sosial blog memberikan kelebihan kepada sesebuah negeri dan negara dengan mempromosikan keunikan destinasi yang terdapat di negara tersebut. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengfokuskan kepada peranan blog dalam mempromosikan pelancongan famili. Oleh itu, pengkaji melihat pola-pola pelancongan famili daripada penulisan blog penulis famili tersebut melalui aktiviti yang dijalankan oleh penulis semasa percutian. Jelas menunjukkan bahawa blog berperanan sebagai laman sosial yang membolehkan pelayar untuk mendapatkan maklumat yang lengkap dan menarik mengenai destinasi pelancongan yang bersesuaian dengan bajet dan kepuasan melancong.

Secara kesimpulannya, peranan media sosial sangat berpengaruh terutamanya dalam sektor pelancongan. Trend menulis dan berkongsi pengalaman tentang perjalanan percutian semakin meningkat dari semasa ke semasa dalam dunia teknologi maklumat pada masa kini. Peranan pengguna blog adalah menyerlahkan keistimewaan yang terdapat di setiap destinasi pelancongan dalam masa yang sama berperanan menghebahkan tarikan pelancongan famili dunia. Media sosial blog, membolehkan pelancong mendapatkan gambaran awal destinasi, mengetahui tips atau info, kepuasan pelancong melalui ulasan dan E-Wom positif atau negatif. Tambahan pula, blog memberi peluang kepada pengguna untuk berkongsi pengalaman percutian bersama famili mereka kepada pelayar lain. Media sosial ini juga dapat memperkenalkan keistimewaan yang menjadi tarikan utama kepada pelancong domestik mahupun pelancong antarabangsa. Kajian ini juga merumuskan bahawa peranan blog dalam mempromosikan pelancongan famili harus digembleng oleh pihak berkepentingan mahupun pihak lain secara berperingkat. Usaha ini merupakan satu langkah untuk memperkenalkan pelancongan famili serta keistimewaan destinasi yang dijalankan oleh pelancong famili tersebut ke seluruh dunia.

Rujukan

- Cheung C M K & Lee, M KO (2008) Online consumer reviews: does negative electronic word-of-mouth hurt more? *Proceedings of the 14th Americas Conference on Information Systems (AMCIS-08)*, 1- 4.
- Doh S J & Hwang J S (2009) How consumers evaluate eWOM (Electronic Word of Mouth) messages. *Cyberpsychology & Behavior*. 12(2), 193-197.
- Gross R, Schoeneberger H, Pfeifer H & Preuss H J A (2000) The Four Dimensions of Food and Nutrition Security: Definitions and Concepts. http://www.foodsec.org/DL/course/shortcourseFA/en/pdf/P-01_RG_Concept.pdf. [4 November 2014].
- Habibah Ahmad. (2007) Percutian famili Melayu bandar. Tesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismimasria Ishak (2007) Usaha mengekalkan permainan tradisional melayu johor kajian kes: Permainan gasing tradisi di Kampung Parit Baru, Ayer Baloi, Pontian, Johor. Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak.
- Mill R C & Morrison A M (2002) *The Tourism System*. Anglewood Cliffs: Prentice Hall.
- Mohamad Zaki Ahmad, Johan Afendi Ibrahim, Hood Mohd. Salleh (2008) Membangunkan Kuala Kedah Sebagai Destinasi Pelancongan Warisan: Penerapan Konsep Pembangunan Pelancongan Lestari. *Prosiding Perkem III Jilid 1*, 401-413
- Oppermann M (1996) Visitation of tourism attractions and tourist expenditure patterns-repeat versus first-time visitors. *Journal of Tourism Research*. 1(1),61-8.
- Rosli Jamal (2007) *Blog, blogger, blogging untuk semua*. Kuala Lumpur: Penerbit Al-Ameen.
- Treer E (2010) Social media: an interesting option for tourism destination promotion? <http://projekter.aau.dk/projekter/files/34966332/Eva%20Treer%20Master%20Thesis%2030July.pdf>. [4 November 2014].
- Utusan Malaysia 2000 31 Oktober 10. Galakan percutian keluarga dalam pembangunan sektor pelancongan negara.
- Zeng B (2013) Social Media In Tourism. *Journal Tourism & Hospitality*. 2(1), 1-2.